

Program berhenti merokok kalangan tentera berjaya

UM - 21/9/2006

KOTA BHARU 20 Sept. - Sebanyak 62 daripada 80 anggota Batalion Ke-16 Rejimen Askar Melayu Diraja (RMAD) berhenti merokok melalui Program Khas Mengurangkan Peratus Perokok Di Kalangan Tentera Darat Melalui Intervensi Pendidikan Kesihatan.

Melalui pendekatan Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, mereka yang berpangkalan di Kem Desa Pahlawan di sini, berhenti merokok selepas menyertai program hanya dalam tempoh lima minggu.

Ketua program tersebut, Prof. Madya Dr. Abdul Aziz al-Safi Ismail berkata, perokok tegar yang masih gagal dijangka turut berhenti merokok apabila dibekalkan dengan ubat cecair Super Detox selain kaunseling berterusan.

Katanya, mereka akan diberikan ubat berkenaan berikutan ketagihan berkurangan setelah diberikan gam nikotina sebelum itu.

"Penggunaan ubat cecair itu di kalangan perokok tegar yang mendapat rawatan di Klinik Berhenti Merokok Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) ternyata berjaya dan tidak mempunyai kesan sampingan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ceramah pada Program Kesedaran Bahaya Merokok sempena Bulan Ramadan di Kem Desa Pahlawan di sini hari ini.

Abdul Aziz yang juga Pensyarah Jabatan Perubatan Masyarakat Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) berkata, seramai 900 tentera dari empat kem tentera di Kelantan dipilih bagi menyertainya.

"Daripada jumlah tersebut, 68 peratus dikesan sebagai perokok tegar. Peratus itu tinggi berbanding orang awam di peringkat kebangsaan yang merokok iaitu kira-kira 50 peratus," ujarnya.